

Jangan buat rakyat bencikan parti kita, kata Mahathir

13 MAY 1969

KUALA LUMPUR, Ahad — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan para pemimpin dan ahli-ahli Umno supaya jangan menimbulkan kebencian rakyat hingga mereka membuat pilihan lain yang "tidak waras" dalam pilihanraya nanti.

Perdana Menteri bimbang, jika rakyat terdesak dan timbul kebencian, mereka akan membuat pilihan lain yang walaupun pada akhirnya boleh dianggap tidak waras dan merugikan mereka sendiri.

Berucap merasmikan persidangan perwakilan Umno bahagian Ampang Jaya yang pertama di sini, beliau yang juga Presiden Umno berkata para pemimpin dan ahli Umno janganlah memikirkan bahawa tidak ada parti lain yang boleh menggantikan Umno.

Apabila seorang perwakilan menarik perhatiannya dengan meluahkan "seperti di Sabah" (kekalahan parti pemerintah Berjaya dalam pilihanraya negeri baru-baru ini), Datuk Seri Dr Mahathir menjawab: "Sama-samalah kita renungkan."

Beliau berkata, ada orang yang berpendapat bahawa setelah 39 tahun memerintah Umno tidak mungkin gagal dan akan terus berjaya walaupun kelakuan beberapa pemimpinnya buruk hingga rakyat tidak lagi mempunyai kepercayaan.

"Kita boleh dikalahkan. Jangan fikir oleh kerana kita telah menang kita akan terus menang

hingga bila-bila. Pada masa-masa lalu, kita menang kerana rakyat percayakan kita dan perjuangan Umno untuk kebaikan rakyat," tegasnya.

Tetapi sekarang, katanya, rakyat akan bertanya sama ada perjuangan Umno dan para pemimpinnya adalah untuk kebaikan rakyat atau untuk kepentingan orang tertentu.

"Tentu ada pihak yang akan membantu memberikan jawapan negatif. Bukan sahaja parti-parti pembangkang, tetapi ahli-ahli dan para pemimpin Umno yang kecewa akan turut memburuk-burukkan Umno sehingga rakyat tidak memberi sokongan lagi," ujarnya.

Waspada

Sambil menarik perhatian bahawa esok ialah ulang tahun peristiwa 13 Mei 1969, Datuk Seri Dr Mahathir berkata rakyat haruslah berwaspada dan jangan menjangka kejadian itu tidak boleh berlaku lagi.

Katanya, ketika itu Umno merasa sedikit kekalahan dan kerungsingan apabila Pulau Pinang jatuh kepada parti Gerakan, Perak hampir dikuasai oleh Parti Progresif Rakyat (PPP) dan Selangor menghadapi kemungkinan diperintah oleh parti lain.

"Nasib baik perpecahan dalam parti-parti pembangkang ketika itu menyebabkan mereka tidak dapat menubuhkan kerajaan," ujarnya.

Perdana Menteri berkata beliau menimbulkan peristiwa itu bukanlah untuk membangkitkan semangat memberontak tetapi bagi mengingatkan ahli-ahli Umno, khususnya generasi muda, bahawa sejarah boleh berulang berkali-kali jika mereka tidak berhati-hati.

Mengenai pilihanraya umum, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, sama ada ia akan diadakan tahun depan atau tidak, bergantung kepada banyak faktor.

"Sama ada mereka yang terpilih sebagai ketua bahagian akan secara automatik dipilih menjadi wakil rakyat juga bergantung kepada beberapa faktor dan penilaian," ujarnya.

Beliau menjelaskan, pemilihan calon mestilah dibuat mengikut pertimbangan dan peraturan-peraturan yang lain daripada pemilihan ketua bahagian.

"Siapa saja boleh dipilih asalkan ia ahli Umno yang bertanding atas tiket Barisan Nasional dan mendapat sokongan rakyat."

Katanya, sekiranya setiap ketua bahagian menjadi calon wakil rakyat, tidak perlu ditubuhkan jawatankuasa pemilihan calon oleh ibu pejabat Umno, "tetapi, saya yakin tentu ramai yang kalah dan yang menang pula akan menggunakan cara yang tidak baik."

Beliau berkata, dengan berbuat demikian tidaklah bererti beliau hendak memegang kuasa tetapi bagi mengolakkan perpecahan Umno.